

Article Info:

Received Date: 27 Jun 2021

Accepted Date: 07 September 2021

Published Date: 08 September 2021

*Corresponding Author: m20192001575@siswa.upsi.edu.my

Keindahan reka bentuk Busana Samrah Etnik Suluk di Sandakan, Sabah

Development of Suluk Ethnic Samrah Clothing design in Sandakan, Sabah

Mohammad Azwan Jainal¹, Harozila Ramli², Tajul Shuhaiman Said³

Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim Perak Malaysia

To cite this article (APA): Jainal, M. A., Ramli, H., & Said, T. S. (2021). Development of Suluk Ethnic Samrah Clothing design in Sandakan, Sabah. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(2), 52-65. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.2.5.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.2.5.2021>

ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji keindahan reka bentuk busana Samrah etnik Suluk di Sandakan, Sabah. Busana Samrah merupakan khazanah warisan seni kebudayaan etnik Suluk. Busana Samrah dianggap sebagai simbolik keagungan dan kekuasaan yang telah diwarisi sejak zaman dahulu. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan sejarah. Data dianalisis secara deskriptif melalui kaedah temu bual analisis artifikat busana Samrah dan analisis dokumen. Dalam konteks ini, busana Samrah etnik Suluk memiliki reka bentuk serta motif dan corak yang dapat dilihat melalui sulaman pada permukaan kain seperti terdapat pada Sulban (Serban) dan ukiran Dublun (Kerongsang Emas). Fungsi kegunaan busana Samrah adalah sebagai pakaian harian untuk melakukan kerja-kerja di rumah. Namun busana ini juga boleh digunakan dalam majlis keramaian misalnya majlis perkahwinan mahupun persembahan tarian. Tidak ketinggalan juga daripada segi aspek sejarah falsafah busana Samrah akan menyentuh perkembangan variasi tahun dan versi penghasilan busana Samrah sekaligus mengungkap makna dan perlambangan setiap motif dan corak serta pemilihan warna mengikut kepercayaan etnik Suluk. Kajian perkembangan busana Samrah etnik Suluk adalah satu usaha atau inisiatif untuk memelihara dan melestarikan peninggalan artifikat budaya warisan nenek moyang sejak turun temurun kerana merupakan simbolik kepada identiti etnik Suluk.

Kata Kunci: Keindahan, Busana Samrah, Etnik Suluk

ABSTRACT

This research was conducted to study the development of Suluk ethnic Samrah clothing design in Sandakan, Sabah. The ethnic Samrah clothing is a cultural heritage treasure of the Suluk ethnic. For the Suluk community, this dress is a symbol of greatness and power that has been inherited since ancient times. This method of research uses a qualitative method with historical data approach analyzed descriptively through the interview method, analysis of samrah clothing artifacts and document analysis. In this context, the Samrah ethnic Suluk clothing has designs as well as motifs and patterns that can be seen through embroidery on the surface of the fabric as found on the Sulban (Turban) and Dublun (Gold Brooch) carving. The function of Samrah clothing is usually used as daily clothing for doing household chores. However, this dress can also be used in public events such as weddings or dance performances. Not to be missed also in terms of historical aspects of Samrah fashion philosophy will touch on the development of year variations and versions of Samrah fashion production as well as reveal the meaning and symbolism of each motif and pattern and color selection according to the beliefs of the Suluk ethnic. The study of the development of Suluk ethnic Samrah clothing is an effort or initiative to maintains and preserve the cultural artifacts of ancestral heritage from generation to generation because it is symbolic of the Suluk ethnic identity.

Keyword: Aesthetic, Samrah Clothing, Suluk Ethnic

PENGENALAN

Kebudayaan adalah merujuk kepada cara hidup manusia yang melalui proses perkembangan dan dibentuk menjadi sesuatu amalan warisan oleh sekelompok masyarakat. Menurut Saidatul Nornis (2013) kebudayaan merupakan sesuatu amalan cara hidup yang diwarisi secara turun-temurun iaitu daripada generasi kepada generasi akan datang yang disebut sebagai ‘superorganic’. Kebudayaan juga dikaitkan dengan nilai-nilai, tingkah laku dan sesuatu objek yang berunsur kebendaan mahupun bukan kebendaan kemudian menjadi sesuatu khazanah warisan dalam sesetengah masyarakat. Warisan budaya dikategorikan sebagai warisan ketara, tidak ketara, harta, struktur ataupun artifak, objek, seni persembahan seperti tarian, nyanyian, seni bela diri silat dan lain-lain. Muzium warisan adalah penting kepada cara hidup rakyat Malaysia dari segi sejarah ataupun masa kini, di atas langit mahupun di dalam tanah serta kebudayaan di bawah air, manakala bagi bentuk ketara adalah tidak termasuk warisan semula jadi (Gerard, 2005; Yazid, 2017). Secara ringkasnya, menurut Surayah Bungsu, Musnin Misdihi, Dayang Damit dan Saidah Mohd Yassin (2019) dalam Raymond William (1962) definisi budaya adalah merujuk kepada cara hidup ataupun corak kehidupan yang berasal daripada unsur-unsur kepercayaan, nilai tradisi, objek ataupun artifak warisan, termasuklah merujuk kepada sesuatu wilayah ataupun kawasan tertentu.

Kebudayaan menunjukkan sesuatu peninggalan artifak warisan yang diturunkan oleh sekelompok masyarakat etnik tertentu. Menurut Gregory Kiyai dan Noria Tugang, (2020) dalam Davidson (1991), bentuk manifestasi warisan budaya merujuk kepada sesuatu hasil produk yang terhasil daripada pelbagai cabang menerusi amalan dan cara hidup dalam kebudayaan sesebuah masyarakat, misalnya hasil warisan budaya sama ada ketara mahupun tidak ketara yang dikaitkan iaitu merujuk kepada kraf budaya fizikal, adat tradisi, termasuk nilai spiritual dari masa lalu kemudian menjadi tunjang asas bagi melambangkan sesuatu identiti dalam sekelompok etnik ataupun bangsa tersebut. Sementara itu, warisan budaya juga diadaptasikan sebagai peninggalan artifak fizikal dan memiliki ciri-ciri warisan yang tidak ketara dalam sesebuah masyarakat tertentu kemudian diturunkan oleh generasi terdahulu untuk diteruskan oleh bangsa keturunannya agar warisan tersebut terus kekal dan dipelihara. Sullivan (2016).

Kebudayaan etnik biasanya tertumpu daripada segi pakaian atau busana tradisional seperti baju Lapi ‘*Kupot*’ (*Kuput*), Betawi, Sablay dan Samrah dalam masyarakat etnik Suluk. Menurut Hasma Ahmad, D’Zul Haimi, Rosita Mohd Tajuddin dan Nazirah Mohamad Ba’ai, (2015) dalam Siti Zainon Ismail, (2006) mendeskripsikan budaya terlahir daripada sesuatu kejadian dan corak kehidupan masyarakat tertentu. Jesteru pakaian adalah sesuatu bahan yang dilihat sebagai simbolik kepada sesuatu identiti etnik tersebut. Oleh itu, busana tradisional etnik Suluk juga melambangkan simbolik dan identiti yang memiliki makna tersendiri sehingga menjadi amalan warisan kebudayaan dalam kehidupan sesebuah masyarakat tertentu. Menurut pendapat Hanizah Jukim, Azlin Iryani, Mohd Nor dan Abdul Aziz Zalay @ Zali Taylor (2020) dalam Cho Minsung dan Puteri Roslina (2016) mentakrifkan budaya sebagai “*That complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom and any other capabilities and habits by man as a member of a society.*” yang bermaksud budaya adalah sesuatu keseluruhan yang kompleks dengan meliputi kepercayaan, pengetahuan, hukum, seni, moral kemampuan, amalan dan kebiasaan lain yang diamalkan dalam sesetengah anggota masyarakat. Secara keseluruhan, budaya adalah sesuatu bentuk warisan dan amalan yang dimiliki dalam sesebuah masyarakat tertentu.

Menurut Hatta Sawabi (2020) iaitu Pengurus Persatuan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Suluk Sandakan. Berdasarkan sejarah pembuatan busana tradisional etnik Suluk, pada zaman dahulu masyarakat Suluk sememangnya telah mahir dalam pembuatan pakaian tradisi melalui teknik jahitan. Kain yang diimport berasal daripada luar negara seperti China, India, Turkey dan Dubai melalui sektor perdagangan dan perkapalan pada masa tersebut. Material busana diperbuat daripada pelbagai jenis kain, namun kebanyakannya diimport daripada Dubai kerana memiliki kualiti kain yang tahan lasak, tebal dan cantik seperti kain baldu.

Manakala menerusi adat pemakaian bagi masyarakat Suluk pada Zaman Kesultanan Sulu, busana ini tidak boleh digunakan dalam kalangan masyarakat biasa kecuali hanya untuk golongan atasan seperti kerabat Kesultanan Sulu atau bangsawan. Misalnya penggunaan kain berwarna kuning

keemasan khusus dipakai oleh golongan atasan sahaja kerana melambangkan keagungan bagi kerabat Kesultanan Sulu serta tidak boleh sama sekali digunakan oleh rakyat biasa.

Namun asbab peredaran zaman telah menjadikan busana tersebut turut menyediakan pelbagai warna bagi melambangkan kasta masyarakat serta bebas menggunakan jenis warna kain. Sebaliknya elemen motif corak dan reka bentuk busana Samrah masih kekal, melainkan wujudnya kreasi ataupun aksesori busana seperti ‘*Sulban*’ (Anak Tudung atau ‘*Inner Cap*’) dan ‘*Habul Tiyahian*’ (Kain Tenun). Namun penyelidikan ini memfokuskan kepada kajian tentang keindahan reka bentuk busana Samrah etnik Suluk di Sandakan, Sabah.

Kebudayaan Etnik Suluk

Kebudayaan masyarakat etnik Suluk menyentuh perihal daripada segi kepercayaan, adat, budaya, makanan tradisional, alat muzik tradisional dan termasuk pakaian tradisional. Terdapat pelbagai jenis-jenis busana tradisional etnik Suluk khususnya busana Samrah. Menurut Rosli Saludin dan Fazil Ajak (2012) dalam buku “Menjana Transformasi Etnik Suluk”, menerusi Hatta Sawabi (2012) tentang kebudayaan masyarakat etnik Suluk iaitu seperti seni Kuntau (Silat), Sulat Sug (tulisan Arab versi Suluk), tarian tradisional (Pangalay, Dalling-Dalling, Bula-Bula, Tauti), lagu-lagu tradisional seperti (Lughu, Lelleng dan Gabbang), sama juga seperti etnik-etnik yang lain contohnya seni kraf, adat resam, adat perkahwinan dan pantang larang mengikut kepercayaan masing-masing. Termasuklah pakaian tradisional iaitu lelaki (Lapi, Kantiyu, Sawwal, Pukul Tandu, Pis, Sabitan) sebaliknya pakaian wanita (Kuput, Batawi, Sablay, Sawwal, Habul Tiyahian, Turung dan Samrah).

Mengikut sejarah, masyarakat etnik Suluk atau Tausug berasal daripada keturunan Zaman Pemerintahan Kesultanan Sulu yang pertama dengan gelaran kerajaan Paduka Mahasari Maulana al-Sultan Sharif ul-Hashim, (1450 - 1480). Kenyataan ini disokong oleh Amrullah Maraining, Zaini Othman, Marsitah Radzi dan Saffie Abdul Rahim, (2018) dalam Thomas M. Kiefer, (1972) “*The Tausuq, Violence and law in a Philipine Moslem Society*”. Etnik Tausug adalah merujuk kepada orang yang berasal daripada Filipina kemudian datang menetap di Sabah. Orang Tausug mendiami sebahagian besar di wilayah Kepuluan Mindanao yang berdekatan dengan bumi Zamboanga. Majoriti mereka adalah menganut agama Islam serta terdapat juga bangsa lain yang tinggal bersama dengan mereka iaitu bangsa Maranao, Maguindanao dan Illanun, kerana mereka juga merupakan penduduk Islam di selatan Filipina. Menurut Kee Sabariah dan Asmiaty Amat (2012), berdasarkan sumber sejarah etnik Suluk berasal dari Kepulauan Sulu. Namun Kerajaan Brunei telah menghadiahkan kepada Sultan Sulu sebahagian wilayah jajahannya iaitu Borneo Utara (Sabah) dengan syarat membantu Sultan Brunei dalam menamatkan perang saudara yang berlarutan selama sepuluh tahun. Impaknya, masyarakat etnik Suluk mula berhijrah dari Kepulauan Sulu di Selatan Filipina ke sebahagian besar wilayah Borneo Utara (Sabah). Tambahan pula, sebelum kedatangan Zaman Penjajahan British masyarakat Suluk sudah telah lama berhijrah ke Borneo Utara, Sabah. Salah satu faktor utama penghijrahan ini berlaku, kerana wujudnya hubungan antara penduduk masyarakat Suluk di Kepulauan Sulu dan Borneo Utara, Sabah dan juga dipercayai disebabkan berlakunya konflik peperangan antara tentera Filipina dengan Muslim akibat ketidakstabilan politik di Selatan Filipina.

Menurut penyelidikan Amrullah Maraining, Zaini Othman, Marsitah Radzi dan Saffie Abdul Rahim, (2018) menerusi Norlena Unding (2006) dalam T.J.H George (1980) “*The Rise of Islam In Philippine Politics*” serta Cesar Adib Majul dan Barkeley (1985) “*The Contemporary Muslim Movement in The Philippines*” menjelaskan bahawa penduduk Muslim Filipina sering ditindas dengan melalui cabaran dan peperangan yang sekian lama telah berlaku sejak 1946, lebih-lebih lagi pergolakan tersebut semakin berpanjangan akibat campur tangan tentera Filipina. Impaknya, peperangan kedua-dua pihak menyebabkan pejuang Muslim Filipina berinisiatif untuk lari serta berhijrah ke Kepulauan Sulu, selatan Filipina hingga ke Tanah Besar, Sabah, kerana merasa tersepit dan terancam akan keselamatan mereka. Namun wilayah tersebut kini telah terpecah menjadi dua kawasan pemerintahan iaitu North Borneo (Sabah, Malaysia) dan Kepulauan Sulu di Selatan Filipina. Oleh itu, sejak daripada Zaman Kesultanan Sulu lagi wilayah Borneo Utara yakni Sabah sudah terbahagi kepada tiga kawasan utama iaitu Wilayah Marudu, Wilayah Magindora dan Wilayah Tirun. Iaitu yang merujuk kepada daerah Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Semporna, Kunak, Kudat dan Kota Kinabalu oleh Hatta Sabawi (2011).

Manakala sejarah *Salsilah Sulu*, menurut Najeeb Saleeby (1908) dalam bukunya “*The History of Sulu, Manila*” menerusi kajian yang dibuat oleh Amrullah Maraining, Zaini Othman, Marsitah Radzi dan Saffie Abdul Rahim, (2018) menginterpretasikan asal usul bahasa Suluk atau Tausug daripada bahasa orang Tagimaha (Taguima dan Basilan), serta berasal daripada gabungan oleh beberapa etnik Buranun, Tagimaha, Baklaya, Orang Dampuan, dan Orang Banjar yang sekian lama telah bermigrasi atau berpindah randah ke Kepulauan Sulu sehingga terbentuk satu masyarakat yang dikenali sebagai Tausug. Menurut Nordiana Ab. Jabar, (2012) Sebahagian orang Suluk di Sabah tidak menggelarkan diri mereka orang ‘Suluk’, namun mengaku diri mereka orang ‘Tausug’ yang merujuk kepada orang yang berasal daripada Kepulauan Sulu. Istilah perkataan ‘Tausug’ berasal daripada dua suku kata iaitu ‘Tau’ bermaksud ‘orang’ dan ‘sug’ ialah ‘arus’ secara keseluruhan ‘orang arus’, ini diklasifikasikan orang yang dekat dengan kehidupan pasang surut air laut. Ini berlaku kerana kepelatan dalam kalangan masyarakat di Borneo bagi menyebut perkataan ‘Tausug’ maka lahirlah perkataan Suluk. Istilah Sulu merujuk kepada Kepulauan Sulu iaitu Pulau Sulu ataupun Sug (Ibu Negeri-Jolo), Tawi-Tawi, Basilan, Palawan hingga ke Borneo Utara (Sabah). Orang Suluk ini menggunakan bahasa Sug sebagai bahasa pertuturan, orang Suluk juga memiliki kebudayaan yang unik dan tersendiri. Yasmine Rosalind Hairi, (2012).



Gambar 1: Peta Wilayah Kawasan Yang Banyak Didiami Oleh Etnik Suluk Termasuk di Sabah.

Sumber: <https://babab.net/artikel/referendum-mindanao-konflik-selatan-filipina.html>

Gambar rajah di atas menunjukkan peta wilayah kawasan yang paling ramai didiami oleh masyarakat etnik Suluk atau Tausug. Ini kerana sejak zaman dahulu lagi mereka sudah menetap lama sebelum Zaman Kolonial British ke atas tanah jahannya iaitu Borneo Sabah.



Gambar 2: Masyarakat Etnik Suluk Sebelum Zaman Kolonial.

Sumber: <https://www.pinterest.com/pin/108156828521298009>

Figuratif di atas menunjukkan masyarakat etnik Suluk sebelum datangnya Zaman Kolonial British. Ini membuktikan bahawa sejak zaman dahulu lagi masyarakat etnik Suluk memiliki ketamadunan yang dapat dilihat menerusi peninggalan artifak kebudayaan iaitu

pakaian tradisional yang menjadi warisan dan sehingga kini masih lagi wujud. Kajian ini merupakan usaha untuk melestarikan dan memartabatkan warisan kebudayaan etnik Suluk serta menjadi sumber maklumat dan rujukan dalam memperkenalkan keindahan reka bentuk busana Samrah agar warisan artifak seni budaya ini sentiasa dapat dipelajari serta dipelihara dan terus berkembang kelak. Sabzali Musa Khan, Effendi Shamsuddin; dan Nik Nairan Abdullah via Nurul Fitriah Pathlillah dan Ridzuan Hussin, (2019) berpendapat matlamat utama dalam mengkaji kesenian warisan tempatan adalah untuk memartabatkan kebudayaan dan kesenian yang telah diwarisi kepada sesuatu masyarakat tertentu.

KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan pendekatan sejarah. Menurut persepsi Borg dan Gall dalam Djamal, (2015) kajian sejarah adalah penyelidikan secara sistematis terhadap sesuatu dokumen dan sumber-sumber lain yang mengandungi fakta tentang persoalan-persoalan sejarawan berkaitan masa lampau. Manakala menurut Wiersman dan Djamal, (2015) mengklasifikasikan pendekatan sejarah adalah proses penyelidikan secara kritis terhadap sesuatu peristiwa atau kejadian yang telah berlaku, bagi menghasilkan sesuatu penerangan dan tafsiran yang tepat dan sahih. Pendekatan sejarah berupaya membina semula mengenai fakta di masa lampau tentang apa? siapa? bila? di mana? dan bagaimana? secara objektif, sistematis dan tepat yang dilaksanakan pada masa kini. Proses pembinaan semula dilakukan berdasarkan hasil catatan maklumat dan data di lokasi kajian, artifak-artifak serta laporan audio responden tentang reka bentuk busana Samrah etnik Suluk. Penyelidikan ini juga berbentuk kualitatif deskriptif iaitu mengumpul data dengan melakukan tinjauan kajian, dokumentasi dan temu bual responden yang berpaksikan pendekatan sejarah.

Menurut Nasir, (2012) pendekatan deskriptif merupakan sesuatu kaedah yang mengkaji terhadap sekelompok kehidupan manusia, sesuatu objek, pemikiran, dan sesuatu fenomena ataupun kejadian. Sasaran pendekatan deskriptif bertujuan untuk membuat gambaran, tamsilan, atau kerangka kajian secara sistematis, ringkas, jelas dan tepat berhubungan dengan fakta-fakta serta unsur-unsur yang berkaitan dengan peristiwa yang difokuskan. Pendekatan deskriptif kualitatif bersifat elektrik dan berdasarkan pendapat umum serta penyelidikan naturalistik (Sandelowsky, 2003). Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian serta penglibatan secara langsung bersama masyarakat etnik Suluk di Sandakan, Sabah. Ini bertujuan adalah untuk memerhati dan memahami dari segi aspek kebudayaan dan cara hidup mereka, khususnya mengenai keindahan reka bentuk busana Samrah. Kajian berkaitan dengan kehidupan dalam sesebuah masyarakat itu secara harfiahnya berasal dari bidang antropologi menerusi kaedah pemerhatian secara penglibatan (Kamarul Jasmi, 2012). Tinjauan kajian telah dilakukan secara berfasa iaitu bermula dari 15 September 2020 sehingga 30 Mei 2021 iaitu selama setahun untuk menjelajki dan mendapatkan maklumat bersama responden. Akhir sekali, penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) yang digunakan kepada golongan bersasar khususnya kepada masyarakat etnik Suluk dengan memiliki kemahiran dan pengetahuan mereka secara lebih terperinci serta arif mengenai keindahan reka bentuk busana Samrah.

KEINDAHAN REKA BENTUK BUSANA SAMRAH ETNIK SULUK

Merujuk kepada persepsi Zamrudin Hassan, Sabzali Musa, Rohaya Yahaya dan Radzi Manap, (2019) menjelaskan tentang konseptual keindahan dalam Mohd Ghazali (2012) dari segi bahasa berasal daripada bangsa Yunani Kuno iaitu ‘*symmetria*’ ataupun disebut estetika

bagi keindahan visual. Istilah ‘*harmonia*’ bermaksud merujuk kepada keindahan pendengaran. Secara keseluruhan, bangsa Yunani Kuno lebih arif dan mengamati makna keindahan kerana mereka menganggap sebagai warisan mereka. Definisi keindahan juga merangkumi persoalan-persoalan mengenai keindahan seni, sumber alam semula jadi dan pelbagai kemahiran. Menurutnya lagi, menerusi buku “*Falsafah dan Kritikan Seni*” Mohd. Johari Ab. Hamid, (2004) menjelaskan konsep keindahan dari Johann Joachim Winckelmann menegaskan unsur-unsur keindahan dapat dikesan melalui sumber alam, kebudayaan sesuatu etnik, dan moral, mahupun menjurus kepada keindahan dalam bidang seni catan termasuk kaedah menilai dalam seni kerana seni itu merupakan satu proses imitasi dengan melihat dan meniru keindahan alam secara keseluruhan untuk dijadikan karya seni. Jesteru, sama seperti dalam proses pembuatan reka bentuk busana Samrah etnik Suluk. Manakala pengertian busana menurut Adilah Jusoh dan Fazilah Husin, (2016) dalam Siti Zainon Ismail, (1997) perkataan busana sememangnya berasal daripada bahasa Jawa Sanskrit yang ditakrifkan berpakaian lengkap beserta perhiasan yang menarik dan cantik. Busana juga merujuk kepada sesuatu keseluruhan pakaian yang digunakan oleh manusia dan termasuk ornamen seperti aksesori yang berfungsi sebagai pelengkap busana, seperti yang dikatakan oleh Mohd Rosli Saluddin, (2004) ‘*costume*’ itu termasuk baju, kain, barang kemas, perhiasan dan digunakan secara tertib dan beretika sesuai mengikuti kehendak adat budaya sesuatu etnik tertentu.

Fungsi kegunaan utama busana digunakan adalah bertujuan untuk menunjukkan sesebuah identiti serta status sosial budaya bagi seseorang individu tertentu, di samping melambangkan sesuatu makna menerusi mesej terhadap sesuatu imej yang disampaikan. Kenyataan ini diperkuahkan oleh Noor Hayati Ismail, Raja Nafida Raja Shahminan dan Shahrul Kamil Yunus, (2014) dalam Mastor, (2010) secara tepatnya, nilai keperibadian boleh dikesan melalui seseorang individu, masyarakat dan kebangsaan. Identiti masyarakat adalah sesuatu yang berhubung kait kepada sesebuah etnik dalam sekelompok masyarakat, di samping dapat dilihat menerusi cara hidup dan corak kebudayaan etnik mereka.

Manakala menurut perspektif Siti Salwa Jamaldin, (2016) dalam Ernawati, (2008) banyak perkara yang perlu diamati dan dipertimbangkan bagi menghasilkan sesuatu busana yang memiliki hasil nilai estetika yang baik, indah, selesa, dan sesuai digunakan. Oleh itu, menurut pemahaman dan kepercayaan masyarakat etnik Suluk tentang sejarah pembuatan busana tradisional Samrah. Terdapat dua versi yang diambil berkenaan tentang sejarah asal usul nama busana ‘Samrah’. Pandangan pertama busana Samrah ini berasal daripada etnik Suluk dan Bajau yang diklasifikasikan sebagai baju basahan atau pakaian harian yang digunakan untuk bekerja di dalam rumah khusus untuk wanita. Manakala pandangan kedua mengikut sejarah pembuatan, busana Samrah ini diinspirasikan daripada rekaan baju tradisional wanita jepun seperti kimono kemudian diubah suai mengikut kreativiti masyarakat Suluk atau Bajau ketika itu. Ini kerana kesan daripada perang dunia kedua yang dilancarkan oleh pihak jepun yang mendarat kemudian menjajah dan menguasai sebahagian besar di Kepulauan Filipina termasuklah di wilayah pemerintahan Kesultanan Sulu selama berabad-abad. Secara langsungnya, kebudayaan orang jepun telah mempengaruhi kasta masyarakat Suluk dan Bajau di Kepulauan Filipina.

Oleh itu, terdapat tiga jenis reka bentuk busana Samrah etnik Suluk iaitu reka bentuk pertama adalah berlengan pendek hingga ke paras bahu, berkain sarung, bereksesorikan sikat rambut dan ‘*Dublun*’(butang baju) telah dihasilkan pada tahun 40an. Namun baju ini masih lagi wujud dan disimpan sebagai koleksi artifak warisan etnik mahupun digunakan dalam majlis peragaan pakaian tradisional etnik Suluk. Manakala pada tahun 60an sehingga 90an telah wujud baju rekaan lengan panjang dan separa lengan serta berlaku pertambahan kreasi dari segi aksesori seperti ‘*Habul Tiyahian*’(kain tenun) dan seluar ‘*Sawwal*’(seluar longgar). Kemudian masuk tahun 90an sehingga kini perubahan busana ini semakin hari semakin banyak dan ketara yang dapat dilihat menerusi aksesori misalnya ‘*Sulban*’ yang dinspirasikan

dari pada rekaan anak tudung (*inner cap*). Biasanya digunakan oleh wanita berusia. (Sinita binti Ottoh, Penari dan Pereka Busana Etnik Suluk di Sandakan, 2021).

Reka bentuk busana Samrah ini dapat dikesan dari segi penggunaan fabrik dengan pelbagai jenis-jenis kain seperti kain chiffon, cotton, baldu, sutera batik dan lain-lain. Kain busana Samrah juga biasanya diperbuat daripada kain kapas bermotif flora dan biasanya digabungkan dengan kain Sarung ‘*Habul*’ atau Pelikat ‘*Tadjung*’. Busana Samrah ini digunakan secara bersahaja ketika bekerja di rumah sebagai pakaian harian. Busana ini digunakan dalam persembahan tarian tradisional Suluk ‘*Dalling-Daling*’ atau ‘*Mangalay*’. (Hatta Sawabi, Pengurus Persatuan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Suluk (PUSAKA), 2020).

Reka Bentuk Busana Samrah

Umumnya, konseptual reka bentuk berdasarkan bidang seni adalah sesuatu idea ataupun imej yang dicipta, digubah, diolah, dan dihasilkan secara berperingkat melalui proses melukis, melakar dan kemudian menilai hasil ciptaan yang menarik dan terbaik berpandukan tujuan idea yang telah ditetapkan. Tambahan pula, daya imaginasi juga merupakan salah satu platform dalam mempengaruhi perubahan pada sesuatu idea atau imej tersebut. Menurut pandangan Nurrul Asmar Binti Azhan dan Harozilla Ramli, (2014) dengan menggunakan daya imaginasi pada sesuatu hasil ciptaan reka bentuk itu, akan mengalami proses perubahan, bervariasi mahupun berevolusi dengan apa yang difikirkan.

Penyataan di atas menjelaskan bahawa setiap rekaan yang diciptakan akan mengalami perubahan sama ada dalam bidang kejuruteraan, multimedia mahupun seni kraf terutamanya dalam reka bentuk busana Samrah etnik Suluk. Oleh itu, bahagian ini menjelaskan tentang jenis-jenis reka bentuk busana Samrah yang biasanya digunakan sebagai pakaian harian dalam kalangan masyarakat wanita etnik Suluk sama ada golongan muda mahupun sudah berusia. Ukuran saiz busana ini adalah mengikut kesesuaian kepada pengguna yang terdiri daripada saiz S sehingga saiz XXL. Berikut adalah jenis-jenis reka bentuk dan koleksi gambar busana Samrah.

Busana Samrah Dan Aksesori Tahun 1940



Gambar 3: Reka Bentuk Busana Samrah Yang Pertama Atau Rekaan Asli Pada Sekitar Tahun 1940.

Rekaan Asal busana Samrah etnik Suluk pada tahun 40an dan rekaan jenis baju lengan pendek paras bahu, menggunakan kain sarung, dan dihiasi dengan aksesori seperti sikat rambut dan ‘*Dublun*’ (butang baju warna emas). Biasanya motif dan corak yang digunakan adalah jenis flora (tumbuh-tumbuhan).



Gambar 4: Reka Bentuk Busana Samrah Etnik Suluk Yang Asli Dari Sisi Tepi.

Mengikut sejarah, sikat rambut ini juga dianggap sebagai barang kemas atau aksesori yang berfungsi sebagai menambah keunikan dan kecantikan dalam pakaian tradisional Suluk pada waktu itu. (Sinita Ottoh, Penari dan Perekam Busana Tradisional Etnik Suluk Dan Bajau, 2021)



Gambar 5: Aksesori Dublun (Kerongsang Emas).


Dublun biasanya butang yang berwarna emas mahupun menggunakan material emas asli sebagai hiasan aksesori, berfungsi sebagai butang baju yang terletak di bahagian tengah antara belahan dada dan berfungsi untuk menahan atau mengunci kedua bahagian belahan dada baju kiri dan kanan tersebut. Terdapat pelbagai jenis ukiran dublun selain daripada imej masjid seperti ukiran corak bunga, perkataan dan dublun juga boleh dianggap sebagai barang kemas yang berukuran tiga atau empat kali ganda duit syiling lima puluh sen.



Gambar 6: Sikat Rambut Wanita.

Sikat rambut tradisional wanita etnik Suluk ini adalah unik kerana bentuk lekukan yang bengkok serta bahan yang diperbuat biasanya daripada tulang ikan jerung. Sikat ini berwarna coklat dan hitam berukuran sebesar tapak tangan wanita.

Busana Samrah Dan Aksesori Tahun 1990



Gambar 7: Rekaan Bentuk Baru Busana Samrah Separa Lengan (*Opa-Opa*) Beserta Aksesori Tahun 1990.

Busana Samrah Opa-Opa yang memiliki ciri-ciri separa lengan yang biasanya dipakai oleh wanita berusia dalam lingkungan umur 50 sehingga 70 tahun. Busana ini dilengkapi dengan aksesori yang baru seperti ‘*Sulban*’(*inner cap*), menurut masyarakat Suluk digunakan oleh wanita berusia khususnya yang bergelar ‘Hajjah’ dan seluar ‘*Sawwal*’ (seluar besar). Kain yang biasa digunakan adalah kain kapas mahupun kain baldu. Dari segi motif yang digunakan iaitu flora atau bunga sama ada menggunakan teknik sulaman timbul ataupun tekapan. Warna yang biasa digunakan ialah warna gelap misalnya hitam, coklat, dan kelabu. Namun pemilihan warna dalam pembuatan busana ini tidak terikat dengan syarat ataupun bebas warna.



Gambar 8: Sulban.

Sulban ini sesuai dipadankan dengan baju Batawi, Sablay mahupun Samrah. Digunakan hanya untuk wanita Suluk dalam majlis keramaian seperti majlis tarian, perkahwinan, peragaan busana fesyen, dan busana untuk menghadiri majlis-majlis. Menggunakan kain baldu atau kain biasa mengikut kesesuaian dan kemampuan pemilik (*designer*). Motif yang dikenakan iaitu flora dengan teknik sulaman timbul yang dihiasi manik-manik bunga.


Motif Dan Corak

Secara umumnya, konseptual motif diklasifikasikan sebagai bentuk-bentuk corak dan biasanya dijadikan platform reka hiasan dalam bidang seni kraf misalnya fabrik, ukiran, batik, songket, tembikar, anyaman dan seni logam. Ismail, (2011) mentakrifkan motif merupakan sesuatu platform imej yang merangkumi kepada sesuatu tema, abstrak, cerita atau kejadian serta sebagai simbolik ataupun model kepada sesuatu alat sama ada objek buatan manusia mahupun objek semula jadi. Manakala menurut Sarinah Che Soh & Osman. (2010) dalam Haziyah Hussin, (2006) terdapat dua bentuk utama motif dalam mencorak permukaan kain khususnya batik iaitu motif organik dan motif geometri. Motif organik adalah seperti tumbuh-tumbuhan termasuk haiwan dan motif geometri pula lebih cenderung kepada motif yang bersudut seperti segi empat, segi tiga, mahupun lingkaran dan termasuk campuran contohnya motif pucuk rebung dan bunga kotak bercampur. Selain itu, sumber motif juga dapat dikesan melalui pengamatan persekitaran alam semula jadi seperti pemandangan ombak, bukit bukau, bulan, bintang, langit dan matahari juga dijadikan sumber idea untuk mencipta sesuatu objek yang cantik dan menarik.

Siti Zainon Ismail, (1986) berpandangan terdapat gambaran atau tamsilan bentuk motif yang direka cipta berasaskan pengalaman hidup atau apa yang dilihat di persekitaran sekeliling. Kenyataan ini juga selaras dengan pandangan Lydia Patrick Padri, Intan Khasumarlina Mohd Khalid dan Harozila Ramli (2015) menerusi persepsi Guntur, (2004) bagi menghasilkan sesuatu rekaan yang bermotif flora (tumbuh-tumbuhan), dapat dilakukan melalui proses imitasi (peniruan) secara '*naturalistic*' ataupun mengolah '*stylization*' terhadap sesuatu tumbuhan yang dilihat secara langsung. Di samping itu, motif tumbuh-tumbuhan yang diambil dan digubah adalah terdiri daripada bahagian keseluruhan pokok iaitu dari batang hingga ke pucuk. Oleh itu, pada dasarnya ornamen elemen motif yang berasaskan tumbuh-tumbuhan banyak digunakan khusus dalam reka bentuk busana Samrah etnik Suluk. Menurut perspektif Haziayah Russin (2006), motif yang paling banyak digunakan adalah motif tumbuh-tumbuhan contohnya pokok-pokok, bunga-bunga dan lain-lain lantas motif ini digubah dengan melalui pelbagai transformasi ataupun variasi.

Busana Samrah lazimnya digunakan khusus untuk wanita etnik Suluk, sememangnya sesuai dipadankan dengan motif dan corak flora yang bersifat indah dan lembut. Jesteru sifat-sifat flora ini disinonimkan dengan wanita dalam busana tradisional Samrah. Oleh itu, dalam proses pembuatan motif dan corak busana Samrah atau '*Opa-Opa*' ini, pelbagai teknik yang

digunakan dalam mengukir motif dan corak iaitu teknik tekapan dan teknik sulaman. Berikut adalah koleksi gambar busana Samrah etnik Suluk.

Bil	Sumber Motif	Corak	Busana
1.	<p>Bunga Katarantus</p>  <p>Sejenis bunga liar yang mudah didapati di semak hutan mahupun di tepi jalan. Pemilihan motif yang mudah dalam pembuatan busana Samrah. Motif flora sinonim dengan sifat-sifat kewanitaan seperti lembut, indah, menarik, dan lain-lain.</p>		
2.	<p>Daun keladi</p>  <p>Bunga ini agak sukar diperolehi dan biasanya dijumpai di pedalaman hutan tanah lembab dan tanah tinggi misalnya bukit bukau. Pemilihan motif adalah berbentuk bebas dan mengikuti kreativiti pembuatan.</p>		

<p>3. Buluh Merak</p>  <p>Motif fauna yang diinspirasikan daripada buluh burung merak. Biasanya digunakan sebagai alat untuk menarik perhatian kepada pasangannya kerana memiliki buluh corak yang cantik dan memukau kepada yang melihat seperti seakan-akan mata. Motif buluh merak ini diambil kerana keunikannya.</p>		
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------

Jadual 1: Motif Corak Busana Samrah Etnik Suluk.

Rumusannya, unsur-unsur motif dan corak sangat memainkan peranan dalam proses pembuatan pakaian terutamanya menerusi bidang fesyen sama ada pakaian tradisional mahupun kontemporari moden. Oleh itu, penggunaan motif flora juga sangat sinonim dan sesuai digunakan khususnya pada pakaian wanita kerana memiliki persamaan dari segi sifat-sifatnya yang indah, lembut, halus dan menarik.

Kesimpulan

Kajian ini mengenai keindahan reka bentuk busana Samrah etnik Suluk di Sandakan, Sabah. Busana Samrah etnik Suluk adalah khazanah artifik warisan sejak turun temurun yang telah diwarisi khususnya kepada masyarakat etnik Suluk di Sandakan, Sabah. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga dan memelihara artifik warisan busana Samrah tersebut. Dalam konteks ini, busana Samrah adalah simbolik identiti budaya etnik Suluk dengan membuktikan kewujudan tamadun dan sejarah pemerintahan Kesultanan Sulu yang pernah wujud pada suatu ketika dahulu dan sehingga kini artifik warisan busana Samrah tersebut masih lagi dipertahankan terutamanya di Sandakan, Sabah.

Busana Samrah ini bukan menjadi sesuatu yang asing kepada kita yakni etnik yang lain untuk bersama-sama memelihara dan menjaga keunikan khazanah warisan kebudayaan yang telah wujud sekian lama, sekali gus menjadi kebanggaan kepada negara Malaysia sehingga dikenali dunia kerana memiliki pelbagai etnik dan suku kaum serta kaya dengan keunikan khazanah warisan kebudayaan yang tersendiri. Walau bagaimanapun, warisan budaya ini harus dipelihara meskipun menempuh pelbagai rintangan dan halangan lebih-lebih lagi dalam era teknologi globalisasi masa kini yang kian berkembang dalam generasi baru masa kini. Maka penyelidikan ini adalah satu usaha atau alternatif bagi melestarikan warisan

budaya etnik Suluk menerusi kajian keindahan reka bentuk busana Samrah agar terus dimartabatkan serta menjadi sumber rujukan kelak.

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Khusus kepada Profesor Madya Dr. Harozila binti Ramli selaku penyelia utama dan Profesor Dr. Tajul Shuhaimi Bin Said, penyelia bersama kerana membantu kajian Keindahan Reka Bentuk Busana Samrah Etnik Suluk di Sandakan, Sabah.

RUJUKAN

- Amrullah Maraining., Zaini Othman., Marsitah Radzi., & Saffie Abdul Rahim. (2018). Komuniti Suluk Dan Persoalan Migrasi: 'Sirih Pulang Ke Gagang'.
- Ajat Rukajat. (2018). Pendekatan Penelitian Kuantitatif.
- Ahmad Rashidi., Rasid Ismail., & Ros Zakaria. (2016). *Proceeding Isme*.
- Abhoud Syed M. Lingga. (2004). *Muslim Minority in the Philippines*.
- Adilah Jusoh., & Fazilah Husin. (2016). Makna Dan Fungsi Busana Dalam Naskhah Melayu Syair Agung.
- Mohd. Rosli Saludin., & Mohamed Fazil Ajak. (2012). Buku 'Menjana Transformasi Etnik Suluk'. Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd.
- Denny Eko Wibowo, Widyanarto. (2021). Penerokaan Rekaan Hasil Kreatif Tari Seri Inaiberdasarkan Tari Inai dari Panggak Laut, Daik Lingga sebagai Sumber Penciptaan Tari. *KUPAS SENI*, 1-15.
- Doraya Anak Gerry., & Chemaline Anak Osup. (2021). Perubahan Fungsidan SeniPersembahan Kuntaw di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak. *KUPAS SENI*, 16-28
- Fazil Ajak. (2015). Pemikiran Lagu Rakyat Dalling.Dalling. Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Gregory Kiyai @ Keai., Noria Tugang., & Olivia Seer. (2020). Ngajat Iban: Satu penelitian budaya. *KUPAS SENI*, 70-83
- Gregory Kiyai @ Keai., & Noria Tugang. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka. *Jurnal Kinabalu*, 26 (1), 59-7
- Hanizah Jukim., Azlin Iryani Mohd Noor., & Abdul Aziz Zalay @ Zali. (2020). Keberkesanan Adaptasi Konsep Identiti Budaya Dalam Mereka Bentuk Landskapdi Kawasan Sekolah. *KUPAS SENI*, 52-69
- Hajratul Aswa. (2019). Pembelajaran Menulis Karangan Deskripsi Menggunakan Media Gambar.
- Hatta Yunus Sabawi. (2011). Masyarakat Suluk: Cabaran dan harapan.
- Halloran, M. (2006). *Translating James Joyce: Culture-Specific Items In Translation*.
- Haziyah Hussin., Salmah Abu Mansor., Rahilah Omar., Hapsah Ismail., & Aminuddin Hassan. (2009). Seni, Seni Hias, Seni Reka, Reka Bentuk Dan Estetika Daripada Persepsi Umum Dan Orang Melayu.
- Hasma Ahmad., D'Zul Haimi., Rosita Mohd Tajuddin., & Nazirah Mohamad Ba'ai. (2015). Analisis Kandungan Rupa bentuk Fesyen Pakaian Melayu di Malaysia.
- Hatta Sawabi. (15 September 2020). 52 Tahun. Batu 4, Sandakan Sabah. Pengerusi Persatuan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Suluk (PUSAKA) Di Sandakan.
- Ismail Ibrahim. (2007). Warisan motif dan corak etnik Sabah. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Kee Sabariah Kee., & Asmiaty Amat. (2012). Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah, Siri Etnik Sabah. Kuala Lumpur: *Institut Terjemahan dan Buku Malaysia*. 335–362
- Lydia Patrick Padri., Intan Khasumarlina., & Harozila Ramli. (2015). Motif Ragam Hias Kalong, Sarawak. *KUPAS SENI*, 127-140.
- Mashor Awang Long. (2018) Elemen Teater Dalam Ritual 'Pag Pasahaya Baihu'etnik Suluk Daerah Kudat, Sabah.
- Merriem, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education.(2nd ed.)*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Noor Hayati Ismail., Raja Nafida., & Shahrul Kamil Yunus. (2014). Identiti Rumah Tradisional Negeri Sembilan Melalui Evolusi Reka Bentuk.
- Nurrul Asmar Azhan., & Harozila Ramli. (2014). Keindahan Reka Bentuk Busana Hijab Kontemporari Malaysia: Kajian Kes Dari Tahun 2009 Hingga Tahun 2013.
- Norlelawaty Haron., Nik Hassan Shuhaimi., & Zuliskandar Ramli. (2014). Kajian Terhadap Penggunaan Bahan, Teknik Pembuatan Dan Motif Pada Blok Batik. Arkeologi, Sejarah Dan Budaya.

Development of Suluk Ethnic Samrah Clothing design in Sandakan, Sabah

- Pritiwi Wijayanti. (2010). Aspirasi Hidup Anak Jalanan Semarang Sebuah Studi Kualitatif Dengan Pendekatan Deskriptif Di Daerah Siranda, Semarang.
- Sinita Ottoh. (30 Mei 2021). 41 Tahun. Taman Grandview Jalan Sim-Sim. Penari Dan Pereka Busana Tradisional Etnik Suluk Dan Bajau Di Sandakan, Sabah.
- Siti Salwa Jamaldin. (2016). Teknik Draping: Penggunaan Heavy Weight Material (DENIM) dalam Reka Bentuk Busana Pengantin. *KUPAS SENI*, 68-78.
- Surayah Bungsu., Musnin Misdih., Dayang Damit., & Saidah Mohd Yassin. (2019). Identiti Budaya: Dalam Konteks Kuih Tradisional Etnik Brunei Di Sabah.
- Zamrudin Hassan., Sabzali Musa., & Rohaya Yahaya. (2019). Ciri-Ciri Keindahan Dalam Penghasilan Rekaan Batik Kontemporari Berinspirasikan Motif Abstrak.